

Program SEAMIC Travel Research Fellowship 1991

Haliza Yahaya*

Abstrak: Laporan ini merakamkan pemerhatian penulis tentang lawatan beliau ke beberapa buah perpustakaan perubatan dan perpustakaan yang digunakan oleh doktor dan profesion yang berkaitan dengan perubatan dan kesihatan di Indonesia, Negara Thai, Singapura dan Negara Jepun di bawah Program SEAMIC Travel Research Fellowship bagi tahun 1991.

Abstract: This report recounts the writer's observations of her visit to a number of medical and healthcare libraries used by doctors and other related healthcare professionals in Indonesia, Thailand, Singapore and Japan under the SEAMIC Travel Research Fellowship for the year 1991.

Program TRF

Program ini mula diperkenalkan oleh SEAMIC/IMFJ (Southeast Asian Medical Information Center/International Medical Foundation of Japan) sejak tahun 1978. Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan peluang kepada mereka yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan kesihatan di negara anggota SEAMIC (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Negara Thai) untuk melawat negara SEAMIC yang lain dan membuat pemerhatian tentang tajuk yang spesifik berkaitan kerja mereka. Program ini dijangka dapat meluaskan pengalaman dan pengetahuan mereka supaya dapat membantu dalam perkembangan perkhidmatan mereka di negara mereka sendiri. Setiap tahun, semua negara anggota akan ditawarkan satu atau dua fellowship ini. Mereka yang ditawarkan fellowship ini boleh memilih salah satu dari dua program yang ditawarkan. Pilihan pertama melibatkan lawatan ke tiga buah negara anggota yang lain dan membuat kajian perbandingan dan bagi pilihan kedua pula menekankan kepada kajian melalui pengalaman di sebuah institusi. Bagi kedua-dua pilihan ini, minggu terakhir akan dihabiskan di negara Jepun. Di sini mereka yang mengikuti program akan membuat pemerhatian situasi di negara ini dan seterusnya akan menyediakan laporan penyelidikan mereka untuk diserahkan kepada IMFJ. Hasil laporan ini adalah dibukukan setiap tahun oleh IMFJ dan diedarkan kepada penyelidik yang terlibat dan juga kepada negara-negara anggota SEAMIC yang lain.

Topik penyelidikan

Topik yang dipilih oleh penulis untuk program ini adalah perkhidmatan rujukan dan bibliografi di beberapa buah perpustakaan hospital di Malaysia, Singapura, Indonesia, Negara Thai dan Jepun. Malangnya, perpustakaan-perpustakaan hospital di negara-negara terlibat adalah kecil dan kebanyakannya adalah dikendalikan oleh kakitangan yang tidak terlatih dalam bidang kepustakawan, seperti kerani, jururawat dan juga pembantu am. Koleksi perpustakaan-perpustakaan ini adalah kecil. Memandangkan masalah itu, penulis telah menggunakan istilah 'perpustakaan hospital' itu bagi perpustakaan-perpustakaan 'hospital universiti' dan perpustakaan-perpustakaan yang biasa digunakan oleh doktor dan mereka yang terlibat dengan bidang kesihatan di kesemua negara tersebut. Penyelidikan ini dimulakan pada pertengahan bulan November dan berakhir pada pertengahan Disember 1991. Topik ini telah dipilih kerana Perpustakaan Perubatan UM adalah terlibat dalam pembentukan perpustakaan Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang (HBTAR). Adalah diharapkan dengan penyelidikan ini, penulis akan dapat mengetahui bagaimana perkhidmatan rujukan dan bibliografi diberikan di perpustakaan hospital yang lain serta masalah yang biasa dihadapi serta cara mengatasinya dan seterusnya perkara yang baik boleh dicontohi terutama dari segi pembinaan koleksi dan peralatan moden dalam perancangan perpustakaan HBTAR.

* Pustakawan, Perpustakaan Perubatan, Universiti Malaya.

Prosedur penyelidikan

Bagi tiap-tiap negara yang dilawati penulis menghabiskan masa selama 1 minggu dengan melawat beberapa buah perpustakaan perubatan dan perpustakaan lain yang digunakan oleh doktor dan mereka yang terlibat dengan bidang kesihatan. Semasa lawatan ini, penulis bertemu serta membuat perbincangan dengan pustakawan yang terlibat dalam perkhidmatan rujukan dan bibliografi di situ. Pustakawan yang ditemui telah memberikan kerjasama sepenuhnya dengan sama-sama berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka. Walaupun masalah bahasa didapati di negara Jepun dan Thai, tetapi mereka begitu bersungguh-sungguh berusaha untuk memberikan maklumat yang diperlukan oleh penulis.

Pemerhatian

Dari semua perpustakaan yang dilawati, didapati bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh bahagian rujukan dan bibliografi adalah hampir sama kecuali ada beberapa buah perpustakaan yang menawarkan perkhidmatan tambahan yang lain seperti menyunting kertas kerja, tesis dan lain-lain penulisan kakitangan insitusi dan penyediaan paket. Biasanya perkhidmatan yang ditawarkan oleh bahagian ini meliputi pencarian maklumat, rujukan, orientasi perpustakaan, perkhidmatan maklumat kini dan beberapa perkhidmatan lagi. Boleh dikatakan semua perpustakaan yang dilawati sudah menggunakan komputer dalam memberikan perkhidmatan mereka. Perkhidmatan pencarian melalui CD-ROM amat popular di beberapa perpustakaan yang dilawati.

Di Indonesia penulis telah berpeluang untuk melawat enam buah perpustakaan dan pusat maklumat iaitu Pusat Data Kesehatan, Kementerian Kesehatan; Perpustakaan Kementerian Kesehatan; Perpustakaan Badan Penelitian dan Pengembangan Kesehatan Depatmen Kesehatan; Pusat Dokumentasi dan Informasi Ilmiah Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia; Perpustakaan Universiti Indonesia dan sebuah perpustakaan universiti swasta iaitu Perpustakaan Perubatan YARSI (Yayasan Rumah Sakit Islam). Kebanyakan perpustakaan yang dilawati mempunyai koleksi yang kecil dan bahan yang lama kerana peruntukan yang diberi adalah terlalu kecil dan ada juga perpustakaan yang tidak menerima sebarang peruntukan untuk melengkapkan koleksi mereka. Perpustakaan seperti ini cuba mendapatkan

wang melalui cara lain seperti mengenakan bayaran bagi perkhidmatan mereka juga dengan mendapatkan derma dari pengguna. Bagi menambahkan koleksi, kebanyakannya perpustakaan yang memberikan perkhidmatan fotokopi dari SEAMIC menyimpan fotokopi yang diterima sebagai satu bahan koleksi mereka. Pengguna yang memohon dikenakan bayaran bagi membuat fotokopi bahan ini. Satu perkhidmatan istimewa yang dibuat disalah sebuah perpustakaan di Indonesia iaitu di Pusat Dokumentasi dan Informasi Ilmiah Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia ialah penyediaan paten. Bagi pendapat penulis, paten ini amat berguna kepada pengguna tetapi penyediaannya memerlukan masa dan tenaga yang banyak, jadi perkhidmatan ini cuma sesuai bagi perpustakaan yang cuba menjual perkhidmatan mereka. Perpustakaan-perpustakaan di Indonesia menggunakan komputer bagi kerja-kerja mengindeks dan penyediaan bibliografi.

Negara kedua yang dilawati adalah Negara Thai. Penulis telah melawat 6 buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Perubatan Universiti Chulalongkorn, Perpustakaan Hospital Ramathibodi, Technical Information Access Center (TIAC), Perpustakaan Hospital Siriraj, Perpustakaan dan Pusat Maklumat Universiti Mahidol kampus Salaya dan Perpustakaan Perubatan Universiti Chiang Mai. Jika dibandingkan dengan perpustakaan-perpustakaan di Indonesia, perpustakaan-perpustakaan di Negara Thai ini mempunyai koleksi yang lebih besar dan terkini. Semua perpustakaan-perpustakaan yang dilawati sudah boleh dikatakan beroperasi dengan komputer sepenuhnya dalam memberikan perkhidmatan mereka.

Di Perpustakaan Perubatan Chulalongkorn, satu perkhidmatan istimewa yang ditawarkan oleh bahagian rujukan dan bibliografi ialah perkhidmatan menyunting kertas kerja, tesis dan lain-lain penulisan kakitangan universiti. Perkhidmatan ini amat popular tetapi bagi pendapat penulis perkhidmatan ini cuma sesuai jika kakitangan adalah mencukupi dan ianya tidak mengganggu tugas kakitangan yang lain.

Dengan bantuan kakitangan akademik, perpustakaan-perpustakaan di Negara Thai ini membuat beberapa program bagi membantu pengguna menggunakan peralatan komputer yang terdapat dalam perpustakaan tersebut. Seperti di Indonesia, beberapa buah perpustakaan di sini juga menyimpan fotokopi SEAMIC sebagai menambah koleksi mereka.

Di Singapura penulis telah melawat 3 buah perpustakaan iaitu Perpustakaan NUS (National University of Singapore), Perpustakaan Politeknik Singapura dan Perpustakaan Perubatan Post Graduate. Kesemua perpustakaan-perpustakaan ini adalah sepenuhnya menggunakan komputer dalam operasi mereka. Dari pandangan penulis, Singapura tidak mempunyai masalah dari segi kewangan kerana terdapat banyak peralatan seperti komputer yang disediakan kepada pengguna-pengguna perpustakaan di sini. Misalnya di Perpustakaan Perubatan NUS, 4 komputer disediakan bagi pencarian melalui CD-ROM Medline. Ini menjimatkan masa pengguna kerana mereka tidak perlu lagi mangambil masa dalam menukar cakera tersebut sebagaimana yang menjadi salah satu rungutan yang diterima dari pengguna CD-ROM Perpustakaan Perubatan UM.

Politeknik Singapura ada menawarkan satu kursus tentang kanta lekap. Jadi perpustakaan ini mempunyai koleksi tentang bidang ini, juga dalam bidang teknologi serta mikrobiologi perubatan yang lain untuk rujukan pengguna. Perpustakaan ini juga mempunyai jumlah komputer yang banyak bagi kegunaan kakitangan serta pengguna perpustakaan.

Perpustakaan Post Graduate pula mempunyai koleksi majalah dan buku yang diberikan untuk rujukan pengguna sahaja.

Negara Jepun, negara terakhir yang dilawati seperti Singapura, pada pandangan penulis tidak mempunyai masalah dari segi kewangan. Bagi perkhidmatan pencarian CD-ROM, kebanyakan perpustakaan di sini memberarkan pengguna membuat cetakan hasil pencarian secara percuma seperti di Perpustakaan Perubatan Universiti Kyushu dan Perpustakaan Perubatan Universiti Tokyo. Bagi Perpustakaan Perubatan Universiti Keio, cakera liut dijual kepada pengguna oleh perpustakaan bagi mereka menyalin hasil pencarian mereka. Ini dibuat bagi mengelak kemasukan virus ke dalam komputer.

Penulis juga berpeluang melawat JICST iaitu Japan Information Center of Science and Technology. Pusat ini memberikan banyak perkhidmatan termasuk perkhidmatan terjemahan artikel-artikel dari bahasa asing. Di Perpustakaan Perubatan Universiti Kyushu, penulis berpeluang melihat perkhidmatan pembekalan fotokopi SEAMIC yang diuruskan oleh perpustakaan ini dan dapat memahami masalah yang dihadapi yang kadangkala menyebabkan

pengguna di Perpustakaan Perubatan UM ini lambat menerima bahan yang mereka perlukan.

Rumusan

Daripada kunjungan serta perbincangan dengan pustakawan bertanggungjawab di bahagian rujukan dan bibliografi perpustakaan yang dilawati telah didapati bahawa masalah utama yang dihadapi dalam memberikan perkhidmatan ini adalah masalah kurangnya peruntukan. Banyak perpustakaan yang tidak dapat memberikan bahan-bahan terkini seperti indeks dan abstrak dan lain-lain bahan rujukan oleh kerana harga bahan yang terlalu mahal. Begitu juga dalam mendapatkan peralatan lain yang dapat membantu mempercepatkan mereka dalam memberikan perkhidmatan.

Lain-lain masalah adalah kekurangan tenaga kerja yang terlatih dalam bidang kepustakawan perubatan atau bidang berkaitan, kekurangan bahan-bahan bibliografi, masalah bahasa serta lain-lain lagi. Dalam usaha memberikan perkhidmatan rujukan dan bibliografi yang baik, beberapa langkah perlu diambil bagi memastikan yang peruntukan mencukupi adalah diberikan kepada perpustakaan-perpustakaan ini bagi membantu memperbaiki koleksi mereka; memastikan kakitangan yang mengendalikan bahagian ini sekurang-kurangnya mempunyai latihan dan pengetahuan dalam bidang kepustakawan perubatan; dan mengadakan kerjasama secara aktif dalam aktiviti perkongsian bahan baik di peringkat kebangsaan, rantau dan juga antarabangsa.

Walaupun penulis tidak mendapat peluang melawat perpustakaan hospital yang sebenarnya, tetapi lawatan yang diaturkan oleh pihak yang bertanggungjawab di negara yang dilawati telah memberikan banyak manfaat kepada penulis kerana lawatan ini telah memberikan beliau peluang untuk berjumpa dan melihat bagaimana pustakawan rujukan di situ mengendalikan bahagian mereka. Peluang untuk pertemuan ini telah juga menjalankan perhubungan antara penulis dan pustakawan-pustakawan negara-negara ini yang diharap akan dapat membantu dalam kerjasama pinjaman antara perpustakaan dan fotokopi dengan perpustakaan-perpustakaan ini. Penulis merasa program yang diusahakan oleh SEAMIC ini adalah satu program yang sangat berfaedah dan harus diteruskan bagi membantu negara-negara di rantau Asia Tenggara ini.